



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
IRSYAD AL-HUKMI**

**PERKARA: PERMOHONAN KEBENARAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT
DI SURAU / DEWAN INSTITUSI PENGAJIAN ATAU SEUMPAMANYA**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti Permohonan Mendirikan Solat Jumaat di Surau / Dewan Institusi Pengajian Atau Seumpamanya dan bersetuju memberi pandangan bahawa pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) boleh mempertimbangkan permohonan berkenaan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut;

- 1) Terdapat sekurang-kurangnya empat puluh (40) orang jamaah pemastautin dalam kariah berkenaan bagi menyempurnakan syarat sah solat Jumaat.
- 2) Sekiranya jumlah anak kariah dalam institusi pengajian / pelajar / pekerja yang berada dalam institusi terlibat tidak memenuhi syarat berkenaan, pihak pengurusan institusi hendaklah memberi kebenaran kepada pemastautin yang tinggal dalam kawasan sekitar untuk menyempurnakan syarat sah solat Jumaat.
- 3) Pentadbiran institusi juga hendaklah memastikan solat Jumaat dapat dilaksanakan secara berterusan walaupun ketika waktu cuti semester / cuti persekolahan dan lain-lain.
- 4) Telah mendapat sokongan daripada Pejabat Agama Daerah berkenaan.

Wallahu a'alam.

Disahkan oleh;


DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,

DPSS., DSDK., AMK., BCK.

Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

Tarikh: 12 April 2022 bersamaan 10 Ramadhan 1443